

'Hentikan tuntutan pesaka Tunku Besar Tampin'

26/3/87

TAMPIN, Rabu — Pengamal-pengamal Adat Perpatih Wilayah Tunku Besar Tampin meminta Raja Mohd Yusof Raja Othman, jurucakap empat beradik keturunan baka Yam Tuan Raja Ali, supaya berhenti daripada membuat kenyataan mengenai tuntutan mereka mendapatkan semula pesaka Tunku Besar Tampin.

"Ini perlu jika keturunan Yam Tuan Raja Ali tidak mahu orang lain campur tangan termasuk pengamal adat. Hendaknya mereka membuat tuntutan secara senyap-senyap bukannya diheboh-hebohkan khususnya melalui akhbar," kata seorang jurucakap pengamal adat.

Raja Mohd Yusof dalam kenyataannya yang disiarkan oleh *Berita Harian* kelmarin menasihatkan pengamal adat Luak Tampin supaya jangan campur tangan dalam soal tuntutan mereka bagi mendapatkan semula hak kebesaran untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin.

Raja Mohd Yusof mendakwa kenyataan pengamal-pengamal adat itu bercanggah dengan fakta sejarah yang ada di dalam simpanannya serta pendapat tokoh-tokoh sejarah negara.

"Adat Perpatih adalah hak semua orang Melayu di Negeri Sembilan terutama mereka yang menjadi anak Waris kepada 12 Suku yang ada dan bukannya kepunyaan Raja Mohd Yusof dan adik-beradiknya sahaja.

"Adalah menjadi kewajiban setiap pengamal adat di negeri ini bersuara apabila berlaku sebarang kekecohan atau tuntutan yang dianggap menyalahi aturan Adat Perpatih dan fakta sejarah," tambah jurucakap itu.

Mengenai bukti yang ada di tangan Raja Mohd Yusof, yang didakwanya sebagai diakui oleh Arkib Negara dan tokoh-tokoh sejarah negara, beliau berkata "catatan sejarah

yang tersimpan di Arkib Negara tidak bermakna isi kandungannya benar dan boleh dijadikan bukti".

Ia dikumpul dan disimpan oleh Arkib Negara untuk dijadikan bahan rujukan dan kajian, bukan sebagai bukti kesahihan fakta-fakta yang tercatat, katanya.